

---

BIL. 39 JUL 2019

**Mahasiswa Indonesia timba pengalaman dalam Sistem Penan**

---

Oleh: ROZANA SAHADAN, JABATAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT DAN NUR SITI HANAFIAH BINTI MOHD ABDULLAH, KAJALAHUAN KOMUNIKASI KORPORAT.

Seramai 21 orang mahasiswa dari Universiti Andalas, Padang, Indonesia dan sukarelawan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalankan program khidmat Komuniti di tapak fertigasi terung UMP Technology (UMPT) selama dua hari. Program ini melibatkan mahasiswa daripada pelbagai fakulti seperti Perubatan, Sains dan Politik, Pertanian dan lain-lain.

Program dimulakan dengan sesi taklimat dan penerangan kerja-kerja yang dilakukan sepanjang program kerja.

Antara kerja-kerja yang dijalankan sepanjang dua hari itu adalah membersihkan tapak, membuang daun pokok yang tumbang,

Mereka turut diajar untuk mengasingkan terung mengikut gred. Dalam masa yang sama, peserta program juga diajar tentang pembinaan tapak atau rumah semai.

Menurut Muhammad Fiqi Hermanto yang merupakan mahasiswa dari jurusan Penternakan, program ini memberi pengalaman yang berharga kerana ia tidak diperoleh daripada kuliah dan mempraktikkan secara langsung kepada masyarakat luar.

Tambah Fiqi lagi, beliau dapat lebih memahami ilmu tersebut dan secara tidak langsung dapat memberi manfaat kepada dirinya.

Terharu dengan sambutan dari rakan-rakan UMP, pihaknya berhasrat mempelawa mahasiswa UMP untuk mengadakan program serupa di Universiti Andalas.

Begitu juga dengan Salsabila Utama, mahasiswa jurusan Sains Komunikasi yang sangat teruja menyertai program ini bersama dengan rakan baharu daripada UMP.

---

Menerusi program ini juga, beliau dapat mengenal UMP dengan lebih dekat dan berasa gembira dengan pengalaman melalui kunjungan ini.

Dalam pada itu, Pengurus Besar UMP Technology Sdn. Bhd., Dr. Nur Aainaa Syafini Mohd Radzi berkata, pengalaman bekerja di tapak fertigasi UMP yang menghasilkan sebanyak 15,000 pokok terung mini dan tempeh.

"Program ini mendapat kerjasama daripada staf Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat (ICoN) yang turut menjalankan kerja-kerja khidmat komuniti ini," katanya.

Beliau mengharapkan semoga melalui program seumpama ini, mahasiswa berpeluang menimba pengetahuan dan penanaman secara fertigasi yang telah berjaya dijalankan di tapak fertigasi di UMP Gambang.

---

Pihaknya juga menerima kunjungan daripada pihak Etiqa dan pihak luar yang berminat untuk mendakwa tentang teknologi fertigasi.

## **Ke Arah Pemerkasaan TVET Di Malaysia: Apakah Perbezaan antara Teknologi Kejuruteraan & Teknologi (B.Tech)**

---

Oleh : Ts. DR. ROSHAHLIZA M RAMLI

e-Mel : [roshahliza@ump.edu.my](mailto:roshahliza@ump.edu.my)

Dengan pelancaran penawaran Sarjana Muda Teknologi (*B.Tech*) baru-baru ini oleh Menteri Pendidikan diakhiri dengan sesi dialog di antara Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamed bersama ketua-ketua tindakan proaktif kerajaan dalam memperkasakan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) Ma

Hasilnya, generasi muda di Malaysia kini berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan kemahiran selain bidang Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan. Persoalannya, apakah perbezaan dengan program Sarjana Muda Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan yang telah lebih dahulu ditawarkan pada komposisi pembelajaran teori dan latihan amali yang diamalkan dalam setiap jenis pengajian tersebut?

## **Pengajian Kejuruteraan**

Bagi program pengajian Kejuruteraan, komposisi pembelajaran teori lebih diutamakan dengan pemahaman asas kepada semua bidang pengajian Kejuruteraan namun komposisi latihan amali tidak diberi penekanan. Pengajian Kejuruteraan dibahagikan antara 70 hingga 80 peratus teori dan cuma 20 hingga 30 peratus boleh dilihat pengajian Kejuruteraan tidak memfokuskan kepada kemahiran tetapi kedalamannya ilmu bidang seperti Fizik, Kimia, dan Matematik. Kualiti pengajian kejuruteraan dikawal selia mutunya oleh Majlis Ahli Jurutera Malaysia (BEM).

---

## Teknologi Kejuruteraan

Bagi pengajian Teknologi Kejuruteraan pula, komposisi pembelajaran teori dan latihan amali cuba disiarkan cenderung kepada pembelajaran di dalam bengkel atau makmal bagi memberi pendedahan aplikasi kejuruteraan dalam bilik kuliah. Pendekatan ini dikatakan sebagai pengajian program TVET tahap tinggi kerana pemahaman dan pengetahuan yang diperlukan untuk mendapat kelebihan dalam pelajaran kejuruteraan yang dipelajari. Selain itu, keupayaan berinovasi juga ditekankan dalam penghasilan produk dan jasa dalam bidang Teknologi Kejuruteraan. Kebolehan pengajian Teknologi Kejuruteraan dalam menerap konsep dan teknologi moden dalam mencipta produk dan jasa yang berkualiti dan berkesan. Kebolehan ini boleh dicapai melalui pengajian yang menarik dan relevan dengan dunia kerja.

Bagi menjamin kualiti akademik yang ditawarkan oleh program pengajian ini, Lembaga Jurutera Malaysia (MBOT) akan mengawal selia dan memulakan akreditasi masing-masing di bawah Majlis Akreditasi Teknologi (Technology Accreditation Council – ETAC) dan Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (Technology and Technical Accreditation Council – TTAC) bagi mengiktiraf program-program pengajian yang dijalankan.

Oleh itu, pengajian Teknologi Kejuruteraan yang ditawarkan di Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (Negeri Sembilan) berupaya menghasilkan graduan yang mampu berinovasi mengikuti keperluan industri dan masyarakat setempat nanti.

## **Pengajian Teknologi (*B.Tech*)**

Bagi Pengajian Teknologi (*B.Tech*), komposisi pembelajaran lebih bertumpu kepada latihan praktikal dan teknologi yang ingin dipelopori. Program pengajian *B.Tech* ini menjadi peluang terbaik bagi graduan D

pengajian ke peringkat sarjana muda dan diharap membuka jalan ke pengajian sarjana dan kedoktoran yang mempunyai kemahiran tertinggi bagi sesuatu bidang teknologi. Diharap bakal pelajar pengajian teknologi *B.Tech* ini memenuhi kehendak pasaran tenaga kerja, pihak industri dan juga teknologi yang semakin maju sehingga beradaptasi dengan keperluan pelbagai industri juga salah satu elemen yang perlu dimasukkan kepada teknologi yang dipelajari kekal relevan dengan kehendak semasa.

Bagi memenuhi objektif tersebut, seperti yang disarankan oleh Menteri Sumber Manusia sewaktu Persidangan Industri secara langsung dengan institusi pengajian teknikal yang menawarkan pengajian teknologi kejuruteraan untuk merapatkan jurang antara kehendak industri dengan sumber tenaga pekerja mahir yang diperlukan oleh negara.

Secara tidak langsung dengan penambahan graduan berkemahiran, kita dapat mengekang lambakan pekerjaan tenaga mahir dalam kalangan rakyat tempatan ke negara yang memerlukan. Selain itu, penglibatan pihak pengajian Teknologi Kejuruteraan dan pengajian *B.Tech* dapat mempersiapkan negara dengan sumber tenaga mahir akan datang. Kini graduan berdasarkan kemahiran dan teknologi bukan lagi graduan yang dikatakan kelulusan utama ekonomi negara.

**Penulis ialah Ketua Program Teknologi Kejuruteraan (Elektrikal), di Fakulti Teknologi Kejuruteraan (UMP).**

## Sidang Editorial

### PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff  
[nc@ump.edu.my](mailto:nc@ump.edu.my)

### KETUA EDITOR

Zainuddin Mat Husin  
[zmh@ump.edu.my](mailto:zmh@ump.edu.my)

### EDITOR

Safriza Haji Baharuddin  
[safriza@ump.edu.my](mailto:safriza@ump.edu.my)

### WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit  
[mimirabitah@ump.edu.my](mailto:mimirabitah@ump.edu.my)

Nur Hartini Mohd Hatta  
[nurhartini@ump.edu.my](mailto:nurhartini@ump.edu.my)

Nor Salwana Mohammad Idris  
[salwana@ump.edu.my](mailto:salwana@ump.edu.my)

### PENTADBIR WEB

MOHD SUHAIMI BIN HASSAN  
[mohdsuhaimi@ump.edu.my](mailto:mohdsuhaimi@ump.edu.my)

### PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid  
[noorazhan@ump.edu.my](mailto:noorazhan@ump.edu.my)

### JURUFOTO

Khairu Aidilnishah Rizan Jalil  
[khairul@ump.edu.my](mailto:khairul@ump.edu.my)

Muhammad Naufal Samsudin  
[naufal@ump.edu.my](mailto:naufal@ump.edu.my)

### PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz  
[jlin@ump.edu.my](mailto:jlin@ump.edu.my)

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap tulisan. Karya yang disiarkan tidak mengubah isi tulisan. Karya yang disiarkan tidak mempunyai pendapat dan sikap Buletin e-CREATE. Karya yang disiarkan tidak bertanggungjawab atas kehilangan kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab atas kehilangan karya yang disiarkan.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penulis.

### EDITOR

Bahagian Komunikasi Korporat  
Pejabat Naib Canselor  
Canseleri Tun Abdul Razak  
Universiti Malaysia Pahang  
26600 Pekan  
Pahang Darul Makmur  
Tel.: 09-424 5000  
Faks: 09-424 5055  
e-Mel: [safriza@ump.edu.my](mailto:safriza@ump.edu.my)



5-Star World Class Technological University  
[www.ump.edu.my](http://www.ump.edu.my)





- 
- 89 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

# CREATE

e-newsletter



Universiti  
Malaysia  
PAHANG

Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

